



## PEMACU INTELEK

Program	Sidang Meja Bulat Institut Masa Depan Malaysia Bersama Ahli Pakar: Cadangan Input sempena Belanjawan 2025
Tarikh	3 Oktober 2024
Masa	2:00 PM - 5:00 PM
Lokasi	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)

# ISI KANDUNGAN

1. Informasi Program
2. Aturcara Program
3. Laporan Program
4. Biodata Pakar Bidang
5. Senarai Kehadiran
6. Gambar Semasa Program
7. Hebahan Media Sosial

# 1. INFORMASI PROGRAM (I)

PERKARA	PERINCIAN
Tarikh	3 Oktober 2024
Masa	2:00 PM - 5:00 PM
Lokasi	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
Tajuk Program	Sidang Meja Bulat Institut Masa Depan Malaysia Bersama Ahli Pakar: Cadangan Input sempena Belanjawan 2025.
Pengenalan	Era pasca normal selepas pandemik COVID-19 menyaksikan seluruh dunia bergelut untuk memulihkan ekonomi ke tahap yang lebih baik. Malaysia turut terkesan dengan impak teruk daripada kemelesetan ekonomi dunia yang membebankan sebahagian besar rakyat Malaysia. Dalam hal ini, kerajaan harus lebih proaktif dan responsif dalam memastikan kesejahteraan rakyat terjamin semasa menghadapi ketidakpastian ekonomi. Justeru, pembentangan Belanjawan 2025 merupakan salah satu platform bagi kerajaan menzahirkan usaha dan strategi untuk memperkukuh ketahanan sistem ekonomi dan sekaligus meningkatkan kemakmuran negara secara adil, saksama dan inklusif.

# 1. INFORMASI PROGRAM (II)

PERKARA	PERINCIAN
Pengenalan (samb.)	<p>Bertemakan “Ekonomi MADANI, Negara Makmur, Rakyat Sejahtera”, Belanjawan 2025 akan memberi tumpuan kepada tiga teras utama iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"><li data-bbox="542 369 1761 478">1. Menaikkan Siling: Teras ini bertujuan untuk menstruktur semula ekonomi dan meningkatkan daya saing negara bagi meletakkan Malaysia menjadi peneraju ekonomi rantau Asia;</li><li data-bbox="542 483 1761 592">2. Menaikkan Lantai: Teras ini bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat Malaysia dengan memastikan kesaksamaan peluang, taraf hidup yang baik dan perlindungan sosial untuk semua; dan</li><li data-bbox="542 598 1761 707">3. Tatakelola Baik dan Reformasi Sektor Awam: Teras ini bertujuan untuk mengutamakan aspek ketelusan, kecekapan dan akauntabiliti dalam Kerajaan, supaya matlamat yang digariskan Malaysia dapat dicapai.</li></ol>

# 1. INFORMASI PROGRAM (III)

PERKARA	PERINCIAN
Objektif Program	<p>Objektif utama sidang meja bulat ini adalah untuk:</p> <ol style="list-style-type: none"><li data-bbox="542 325 1769 448">1. Menenal pasti isu dan cabaran kos sara hidup terutama berkaitan sosioekonomi terutama aspek gaji dan upah seperti yang dihasratkan untuk Belanjawan 2025.</li><li data-bbox="542 459 1769 583">2. Mengupas solusi dan strategi ke arah kesejahteraan sosioekonomi untuk meningkatkan taraf hidup rakyat menerusi penambahbaikan gaji dan upah bagi menjamin kepentingan rakyat; dan</li><li data-bbox="542 594 1769 717">3. Menyediakan platform kepada pemegang taruh dan pihak berkepentingan seperti ahli pakar dan akademia untuk mengumpulkan cadangan input ke arah pemerkasaan sosioekonomi yang lebih inklusif menerusi Belanjawan 2025.</li></ol>

## 2. ATURCARA PROGRAM

NAMA	ATURCARA
1:45 PM	Ketibaan pakar bidang jemputan
2:00 PM	Kata alu-aluan oleh YBrs. Encik Azril Mohd Amin, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Masa Depan Malaysia
2:10 PM	Sesi perbincangan  Moderator: YBrs. Encik Azhan Hasan, Penganalisis Penyelidikan Kanan (Ekonomi) MASA
5:00 PM	Minum petang dan bersurai

### 3. LAPORAN PROGRAM (I)

PERKARA	PERINCIAN
Pengenalan	<p>Sidang Meja Bulat ini diadakan pada 3 Oktober 2024 di Institut Masa Depan Malaysia (MASA) untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan sosio ekonomi di Malaysia sebagai cadangan input bagi Belanjawan 2025 yang bakal dibentangkan pada 18 Oktober 2024. Perbincangan melibatkan penyertaan sembilan (9) pakar ekonomi dari pelbagai latar belakang. Objektif utama perbincangan ini adalah untuk mengenal pasti isu dan cabaran kos sara hidup terutama berkaitan sosio ekonomi terutama aspek gaji dan upah seperti yang dihasratkan untuk Belanjawan 2025 dan mengupas solusi dan strategi ke arah kesejahteraan sosioekonomi untuk meningkatkan taraf hidup rakyat menerusi penambahbaikan gaji dan upah bagi menjamin kepentingan rakyat.</p> <p>Dalam era pasca pandemik, dunia bergelut untuk memulihkan ekonomi ke tahap yang lebih baik. Malaysia turut terkesan dengan impak teruk daripada kemelesetan ekonomi dunia yang membebankan sebahagian besar rakyat Malaysia. Dalam hal ini, kerajaan harus lebih proaktif dan responsif dalam memastikan kesejahteraan rakyat terjamin semasa menghadapi ketidakpastian ekonomi.</p>

### 3. LAPORAN PROGRAM (II)

PERKARA	PERINCIAN
Pengenalan	<p>Dalam sesi pembentangan, moderator telah menggariskan beberapa persoalan yang bertemakan kos sara hidup dan meliputi tiga (3) sub-tema iaitu isu gaji dan upah, subsidi dan kemiskinan antaranya;</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Isu gaji dan upah terus menjadi masalah pokok yang membelenggu rakyat Malaysia di mana masalah struktur mengenai gaji dan upah rendah yang diterima rakyat Malaysia secara amnya disumbang oleh pasaran buruh negara tidak memberi ganjaran sewajarnya mengambil kira gaji yang mempunyai hubungan langsung dengan produktiviti.</li><li>• Dalam konteks Malaysia, kadar kenaikan gaji dilihat tidak seiring dengan peningkatan tahap produktiviti pekerja. Menurut Kertas Putih Dasar Gaji Progresif, kadar gaji di Malaysia adalah lebih rendah berbanding negara lain seperti Singapura, Korea Selatan dan China. Sekiranya pertumbuhan gaji dan produktiviti tidak selari, maka ia menunjukkan kepincangan dalam pasaran buruh negara.</li><li>• Berdasarkan Laporan Gaji dan Upah DOSM, gaji penengah di Malaysia adalah sebanyak RM2,424 sebulan pada 2022. Walaupun jumlah ini meningkat berbanding RM2,250 sebulan sewaktu pandemik, kadar pertumbuhan purata gaji penengah bulanan dari tahun 2011 hingga 2022 hanya sebanyak 4.1% setahun.</li></ul>



### 3. LAPORAN PROGRAM (III)

PERKARA	PERINCIAN
Pengenalan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pada masa yang sama, pasaran buruh juga berdepan isu kekurangan pekerjaan berkemahiran di sebalik peningkatan bilangan graduan saban tahun. Berdasarkan Statistik Pengajian Tinggi 2022, jumlah graduan adalah sebanyak 282,038.</li><li>• Namun, jumlah kekosongan dan pewujudan pekerjaan iaitu 83,070 adalah jauh lebih rendah dan tidak dapat menampung keluaran graduan. Ini bermakna hanya 29.5% sahaja yang akan berjaya memasuki pasaran pekerjaan berkemahiran manakala selebihnya akan berada di kategori separuh mahir dan selebihnya berkecimpung dalam sektor informal.</li><li>• Dalam hal ini, meskipun Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif khusus berkaitan gaji sebelum ini, antaranya Perintah Gaji Minimum (PGM) dan Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti (PLWS) dalam usaha meningkatkan gaji pekerja, tahap gaji yang rendah masih menjadi isu yang menyebabkan herotan (<i>wage compression</i>) dalam pasaran buruh.</li><li>• Tambahan pula, isu pada impak penyasaran subsidi yang baru-baru ini dapat dilihat kesannya dengan inflasi keseluruhan dijangka meningkat antara 2 - 3.5% dan inflasi teras antara 2 - 3% pada 2024.</li></ul>

### 3. LAPORAN PROGRAM (IV)

PERKARA	PERINCIAN
Isu Perbincangan	<p data-bbox="542 259 1373 292">Dalam sesi ini, pelbagai isu telah dibincangkan, termasuk:</p> <ol data-bbox="568 325 1874 936" style="list-style-type: none"><li data-bbox="568 325 1874 589">1. Kedudukan fiskal dan Defisit<ul data-bbox="672 364 1874 936" style="list-style-type: none"><li data-bbox="672 364 1874 589">○ Kerajaan telah memperkenalkan Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) dengan sasaran untuk mengurangkan defisit fiskal kepada 3.5%. Persoalan utama adalah sama ada kedudukan fiskal semasa memungkinkan usaha ini tercapai. Dengan peningkatan hutang negara sebanyak 81% dalam tempoh 30 tahun terakhir, sementara hasil negara hanya meningkat 3.1%, kemampuan untuk mencapai sasaran ini memerlukan penilaian yang lebih teliti.</li><li data-bbox="672 598 1874 936">○ Selain itu, hasil minyak dan gas daripada Petronas dijangka akan pupus dalam tempoh 11 tahun menjelang 2035, yang akan menyebabkan kekurangan dalam sumber pendapatan utama negara. Hutang isi rumah yang tinggi dan nisbah hutang kepada KDNK yang terus meningkat juga menambah tekanan kepada ekonomi negara, walaupun nisbah ini dianggap kurang relevan di negara-negara seperti Singapura yang mempunyai nisbah melebihi 170%, tetapi tiada defisit fiskal. Dan Jepun pula mempunyai penarafan kredit walaupun dengan nisbah 250%. Kebanyakan hutang Malaysia adalah dalam Ringgit, mengurangkan pendedahan kepada risiko luar.</li></ul></li></ol>

### 3. LAPORAN PROGRAM (V)

PERKARA	PERINCIAN
Isu Perbincangan	<p>2. GST vs SST: Kewajaran Pelaksanaan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Perdebatan antara pelaksanaan GST (Cukai Barang dan Perkhidmatan) dan SST (Cukai Jualan dan Perkhidmatan) masih berlanjutan. Berdasarkan analisa teknikal, GST bukanlah sistem cukai yang regresif dan lebih daripada 175 negara telah mengamalkannya. Sebaliknya, hasil kutipan daripada SST lebih rendah dan kurang efektif untuk menampung defisit fiskal negara.</li> <li>○ Berdasarkan kenyataan Apurva Sanghi, Ketua Ekonomi Bank Dunia, GST lebih efektif dan tidak menekan golongan yang berpendapatan rendah. Namun, perbezaan pendapat politik seperti sokongan MCA terhadap GST dan penolakan DAP melalui kempen anti-GST telah mencetuskan kekeliruan di kalangan rakyat.</li> </ul> <p>3. Gaji dan Produktiviti</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Gaji minimum terus menjadi topik perdebatan dengan idea untuk menggantikan dengan gaji progresif atau gaji berasaskan prestasi, selaras dengan produktiviti pekerja. Melihat tindakan YB Rafizi yang telah menyerahkan tanggungjawab untuk menentukan gaji minimum kepada Kementerian Sumber Manusia (MOHR), namun, ada pandangan bahawa gaji minimum tidak seharusnya menjadi nilai tetap dan perlu disesuaikan mengikut produktiviti seperti yang dilakukan di Indonesia.</li> </ul>

### 3. LAPORAN PROGRAM (VI)

PERKARA	PERINCIAN
Isu Perbincangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Terdapat banyak pekerja yang masih menerima gaji rendah, termasuk mereka yang dibayar serendah RM800 sebulan. Isu ini berkaitan dengan produktiviti dan output di pelbagai sektor, terutamanya sektor awam. Penetapan gaji minimum juga dikatakan memberi tekanan kepada perniagaan mikro yang sukar untuk menampung kos upah yang meningkat.</li> <li>○ Dalam sektor awam, pengukuran produktiviti menjadi cabaran kerana output sukar dinilai dengan jelas. Jika produktiviti diukur dengan lebih spesifik, mengikut kategori pekerjaan seperti guru, askar, dan pegawai kerajaan, ia akan memberi gambaran yang lebih tepat mengenai prestasi produktiviti di Malaysia berbanding negara lain.</li> </ul> <p>4. Gaji Progresif dan Penglibatan Kesatuan Sekerja</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Gaji progresif dijangka akan diterima secara meluas dalam beberapa tahun akan datang, dan majikan mungkin akan melaksanakannya secara sukarela. Kesatuan sekerja perlu lebih tegas dalam menangani penurunan gaji, terutamanya selepas krisis COVID-19. Penjawat awam juga memerlukan pelarasan gaji, di mana kali terakhir ia dilakukan adalah pada tahun 2012.</li> </ul>

### 3. LAPORAN PROGRAM (VII)

PERKARA	PERINCIAN
Isu Perbincangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Dari segi jangka pendek, peningkatan gaji dapat meningkatkan kuasa beli pengguna, seterusnya meningkatkan penggunaan (C) dalam KDNK. Dalam jangka sederhana, sektor swasta diharap dapat menyesuaikan diri dengan kenaikan gaji dalam perkhidmatan awam. Dalam jangka panjang, peningkatan gaji bersama dengan penggunaan teknologi dan AI akan membawa kepada peningkatan produktiviti.</li> <li>○ Aspek gaji dan bahagian pekerja dalam pendapatan (CoE) juga menjadi tumpuan penting. Pada masa ini, bahagian CoE di Malaysia berada pada paras 37%, dengan sasaran untuk meningkatkannya kepada 45% menjelang 2030. Ini adalah satu sasaran yang besar, terutamanya apabila lebih 3,000 perniagaan besar menyumbang kepada 65% KDNK, dengan gaji minimum disasarkan pada RM4,500.</li> <li>○ Seterusnya, terdapat juga kebimbangan majikan terhadap Dasar Gaji Progresif (DGP) berkenaan dengan pihak manakah yang akan menanggung kos selepas satu tahun DGP dilaksanakan untuk terus membantu majikan. Kebimbangan ini membelenggu majikan terutama industri PKS, syarikat pemula dan swasta mengenai tanggungjawab kewangan jangka panjang.</li> </ul>

### 3. LAPORAN PROGRAM (VIII)

PERKARA	PERINCIAN
Isu Perbincangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Mengambil contoh pelan lima tahun Singapura yang menyediakan pendekatan berstruktur manakala DGP Malaysia adalah sukarela, menimbulkan keraguan tentang kejayaanya terutama memandangkan kepelbagaian perniagaan PKS yang dominan di Malaysia.</li> <li>○ Namun, dalam perniagaan mikro, seperti pengusaha pelancongan di Langkawi yang hanya mampu membayar pekerja RM1,200, masalah ini menjadi lebih ketara. Tambahan pula, pendapatan median di Malaysia pada tahun lalu adalah RM2,600, dengan lebih 50% pekerja mendapat kurang daripada RM2,000, jauh di bawah paras kemiskinan RM2,800.</li> <li>○ Tambahan pula, produktiviti di sektor, pertanian, terutama dalam ladang padi, telah mengalami stagnasi. Kerajaan perlu campur tangan dengan meningkatkan pelaburan dalam pertanian lestari dan keselamatan makanan untuk mengatasi masalah ini.</li> <li>○ Contoh daripada pertanian di Indonesia menunjukkan bahawa petani di sana berjaya meningkatkan hasil padi sehingga tiga kali ganda dengan menggunakan teknologi moden. Sebagai perbandingan, petani di Malaysia masih menggunakan cara tradisional, menyebabkan hasil mereka lebih rendah (5 tan/hektar berbanding 15 tan/hektar di negara lain). Ini menyebabkan petani di Malaysia hanya memperoleh pendapatan sekitar RM800 sebulan.</li> </ul>

### 3. LAPORAN PROGRAM (IX)

PERKARA	PERINCIAN
Isu Perbincangan	<p>5. Perlindungan Sosial dan Kesejahteraan Masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Sistem perlindungan sosial di Malaysia memerlukan penambahbaikan segera. Lebih daripada 50% rakyat Malaysia bersara tanpa pendapatan yang mencukupi, yang menjadi beban kepada masyarakat. Pendidikan mengenai pentingnya perlindungan sosial perlu diperkukuhkan, kerana ia juga merupakan satu bentuk pelaburan jangka panjang yang dapat melindungi golongan rentan, agar mereka dapat menjadi lebih produktif. Sebagai contoh, malnutrisi dalam kalangan kanak-kanak bukan sahaja isu kesihatan tetapi juga boleh menjejaskan produktiviti generasi masa hadapan.</li> <li>○ Negeri-negeri tertentu perlu memastikan mereka mengikuti gaji universal untuk menjamin gaji yang lebih adil kepada semua pekerja. Sistem perlindungan sosial memainkan peranan penting dalam memastikan semua orang menerima gaji universal, yang akan membantu pekerja keluar daripada perangkap pendapatan rendah dan beralih menjadi pekerja separa mahir.</li> <li>○ Walau bagaimanapun, gaji minimum sahaja tidak cukup untuk menyelesaikan masalah kesejahteraan sosial rakyat. Pendekatan yang lebih menyeluruh diperlukan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.</li> </ul>

### 3. LAPORAN PROGRAM (X)

PERKARA	PERINCIAN
Isu Perbincangan	<p>6. Rasionalisasi Subsidi dan Penguatkuasaan Bahan Api</p> <ul style="list-style-type: none"><li>○ Rasionalisasi subsidi bahan api telah menjadi topik penting dalam usaha kerajaan untuk menyalurkan subsidi kepada golongan yang layak. Pegawai ekonomi telah menyatakan bahawa jika subsidi diberikan hanya kepada mereka yang layak, tidak akan ada masalah. Namun, kajian terperinci oleh kerajaan atau Bank Negara masih kurang, dan ini menyebabkan kurangnya kesedaran serta penerimaan awam terhadap inisiatif ini. Usaha kerajaan dalam menyampaikan maklumat kepada orang ramai dianggap tidak mencukupi.</li><li>○ Selain itu, terdapat juga masalah penyeludupan petrol ke negara jiran seperti Thailand, yang menjadi cabaran besar dalam aspek penguatkuasaan. Penggunaan harga pasaran yang lebih tepat dapat mengurangkan penglibatan kerajaan dalam pengurusan harga bahan api, sekaligus mengurangkan insentif untuk penyeludupan.</li></ul>



### 3. LAPORAN PROGRAM (XI)

PERKARA	PERINCIAN
Isu Perbincangan	<p>7. Desentralisasi dan Definisi Kemiskinan</p> <ul style="list-style-type: none"><li>○ Terdapat perbezaan yang ketara dalam definisi kemiskinan antara kawasan bandar seperti Lembah Klang dan kawasan luar bandar seperti Sabah dan Sarawak. Walaupun bantuan sosial penting tetapi isu utama adalah bagaimana untuk melaksanakan bantuan ini secara berkesan berdasarkan definisi kemiskinan yang tepat di setiap negeri. Sebagai contoh, di daerah Pitas, 56% penduduknya dikategorikan sebagai miskin tetapi setiap keluarga mempunyai sebidang tanah dan ada akses untuk keperluan harian. Jadi, kemiskinan diukur dan dikategorikan atas dasar apa dan bagaimana.</li><li>○ Kerajaan Negeri Sabah telah memperkenalkan definisi kemiskinan mereka sendiri, walaupun kerajaan Persekutuan masih belum membuat keputusan muktamad mengenai perkara ini. Sabah mungkin dilihat sebagai negeri yang relatif miskin tetapi lebih penting adalah akses kepada pendidikan dan penjagaan kesihatan di negeri tersebut.</li><li>○ Walaupun kadar kemiskinan tegar di Sabah telah menurun daripada 40,000 kepada 8,000 orang, keutamaan harus diberikan kepada akses sejagat kepada pendidikan dan makanan. Bantuan yang lebih bersasar telah terbukti lebih berkesan berbanding bantuan umum kepada semua. Ini memastikan golongan yang benar-benar memerlukan bantuan mendapat manfaat yang maksimum.</li></ul>

### 3. LAPORAN PROGRAM (XII)

PERKARA	PERINCIAN
Isu Perbincangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Pendekatan desentralisasi yang dilaksanakan di Sabah menunjukkan bahawa definisi kemiskinan harus disesuaikan mengikut negeri. Dalam kes ini, kerajaan negeri mempunyai pemahaman yang lebih mendalam tentang keadaan tempatan dan keperluan penduduk mereka. Ini memungkinkan bantuan sosial yang lebih tepat dan berkesan, berbanding dengan pendekatan satu saiz untuk semua di peringkat persekutuan.</li> </ul>
Cadangan Penambahbaikan & <i>Way Forward</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peningkatan Gaji dan Perkongsian Pendapatan           <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Salah satu cadangan utama adalah untuk memastikan pertumbuhan gaji agar selaras dengan pertumbuhan KDNK. Sekiranya nisbah gaji kepada KDNK terlalu rendah, seperti yang berlaku sekarang, maka manfaat pertumbuhan ekonomi tidak akan sampai kepada pekerja berpendapatan rendah. Gaji yang berpatutan perlu dipastikan untuk meningkatkan kuasa beli dan kualiti hidup.</li> </ul> </li> </ol>
	<ol style="list-style-type: none"> <li>2. <i>Rightsizing</i> Sektor Kerajaan           <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Penstrukturan semula sektor kerajaan melalui <i>rightsizing</i> perlu dilaksanakan untuk memastikan produktiviti optimum tanpa lebih tenaga kerja.</li> </ul> </li> </ol>

### 3. LAPORAN PROGRAM (XIII)

PERKARA	PERINCIAN
Cadangan Penambahbaikan & <i>Way Forward</i>	3. Produktiviti Berasaskan Pelbagai Sektor <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Untuk mencapai pertumbuhan KDNK sebenar sebanyak 6.5% yang disasarkan oleh kerajaan, tumpuan harus diberikan kepada peningkatan produktiviti, bukan hanya melalui penyelidikan dan pembangunan (R&amp;D), tetapi juga melalui rangsangan pelbagai sektor seperti pertanian pintar dan usaha kecil dan sederhana (SME).</li> </ul>
	4. Penggalakan Teknologi dan Digitalisasi <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kerajaan perlu menekankan pertumbuhan MSME dalam konteks IR4.0 dengan memberi bantuan dalam bentuk geran teknologi dan latihan untuk memajukan digitalisasi di kalangan perniagaan kecil dan sederhana.</li> </ul>
	5. Peningkatan Gaji Berasaskan Prestasi <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kerajaan juga perlu mempertimbangkan untuk menerapkan gaji berasaskan prestasi selaras dengan <i>Total Factor Productivity</i> (TFP) bagi meningkatkan produktiviti pekerja dan membantu mengurangkan kebergantungan terhadap gaji minimum.</li> </ul>

### 3. LAPORAN PROGRAM (XIV)

PERKARA	PERINCIAN
Cadangan Penambahbaikan & <i>Way Forward</i>	<p>6. Memperkukuh Sistem Perlindungan Sosial</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Langkah perlu diambil untuk memperbaiki sistem perlindungan sosial, termasuk menangani isu persaraan tanpa pendapatan mencukupi dan malnutrisi dalam kalangan kanak-kanak. Ini bukan sahaja membantu golongan rentan tetapi juga menjadikan mereka lebih produktif dalam jangka masa panjang.</li> </ul>
	<p>7. Pelaksanaan Gaji Universal</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Pertimbangkan untuk memperkenalkan gaji universal bagi meningkatkan pendapatan median pekerja, dan secara perlahan-lahan menggantikan sistem gaji minimum.</li> </ul>
	<p>8. Peranan Kesatuan Sekerja</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kesatuan sekerja perlu menggalakkan sektor swasta untuk menyelaraskan gaji dengan peningkatan gaji sektor awam, kerana peningkatan gaji juga akan membantu meningkatkan produktiviti dan CoE.</li> </ul>

### 3. LAPORAN PROGRAM (XV)

PERKARA	PERINCIAN
Cadangan Penambahbaikan & <i>Way Forward</i>	9. Desentralisasi Definisi Kemiskinan <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kerajaan perlu mempertimbangkan desentralisasi dalam menentukan definisi kemiskinan di setiap negeri. Kemiskinan multidimensi di peringkat negeri perlu didefinisikan semula, dengan mengambil kira faktor-faktor seperti akses kepada pendidikan, makanan, dan tempat tinggal.</li> </ul>
	10. Definisi Serantau bagi Kemiskinan <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Perlu diwujudkan definisi kemiskinan yang berasaskan serantau yang boleh digunakan di peringkat negeri. Ini akan membolehkan setiap negeri, termasuk Sabah, untuk menyesuaikan bantuan sosial mengikut keperluan sebenar rakyat mereka.</li> </ul>
	11. Akses Sejangat kepada Keperluan Asas <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Akses sejangat kepada pendidikan dan makanan perlu dijadikan keutamaan dalam dasar bantuan sosial. Ini akan memastikan setiap individu, tanpa mengira lokasi atau latar belakang, menerima keperluan asas yang mencukupi untuk meningkatkan taraf hidup mereka.</li> </ul>

### 3. LAPORAN PROGRAM (XVI)

PERKARA	PERINCIAN
Cadangan Penambahbaikan & <i>Way Forward</i>	12. Bantuan yang Lebih Bersasar <ul style="list-style-type: none"><li>○ Pendekatan bantuan sosial perlu lebih bersasar kepada mereka yang benar-benar memerlukan, berbanding dengan bantuan menyeluruh kepada semua. Ini akan memastikan program sosial dilaksanakan dengan lebih berkesan, dan sumber yang diperuntukkan digunakan dengan lebih cekap</li></ul>

## 4. BIODATA MODERATOR



### YBRS. ENCIK AZHAN HASAN

Encik Azhan mempunyai lebih daripada 23 tahun pengalaman dalam pendidikan, analisis dasar dan kerjasama penyelidikan, termasuk memimpin dan menguruskan projek penyelidikan antarabangsa. Ini termasuk program penyelidikan dan kerjasama antarabangsa seperti Solar Impulse Foundation Switzerland (SIF) Switzerland, Newton Fund Research Grant dengan Universiti Bath, United Kingdom, Institute of Global Environmental Strategies (IGES) Jepun, Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) Malaysia, Turner & Townsend LLC Qatar dan Kementerian Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MECC) Qatar. Kemahiran teknikal dan wawasan strategiknya merangkumi semua aspek pengurusan perniagaan dan komersial, termasuk analisis kes perniagaan, analisis pandangan jauh, pengurusan pengetahuan, strategi dan mitigasi penyesuaian iklim serta penilaian penyelesaian untuk kelestarian alam sekitar. Beliau telah dianugerahkan '*Expert of the Year 2020 – Top 30 Expert*' dan '*Expert of the Month – May 2022*' daripada SIF untuk mengiktiraf sumbangannya dalam menilai lebih daripada 1000 penyelesaian yang berpotensi untuk melindungi alam sekitar dengan cara yang berkesan dan menguntungkan.

## 4. BIODATA AHLI PAKAR 1



### YBHG. PROFESOR ULUNG DATO' DR. RAJAH RASIAH

Prof. Ulung Dato' Dr. Rajah Rasiah mendapat pendidikan Doktor Falsafah dalam bidang ekonomi dari Cambridge University, United Kingdom. Beliau kini merupakan Pengarah Eksekutif Institut Asia-Eropah, Universiti Malaya merangkap Felo Kehormat Institut Masa Depan Malaysia. Pada tahun 2017, Prof. Dato' Dr. Rajah Rasiah telah dinobatkan sebagai Profesor Ulung Negara ke-5. Beliau turut menerima Anugerah Merdeka bagi kategori "Pencapaian Akademik Luar Biasa" pada tahun 2018 dan Anugerah Celso Furtado daripada *World Academy of Sciences* pada tahun 2014. Beliau giat menghasilkan laporan dan kertas dasar untuk organisasi terkemuka dunia seperti *United Nations Conference for Trade and Development*, *United Nations Industrial Development Organization*, *World Bank*, *International Labour Organization*, *World Intellectual Property Organization*, *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*, *United Nations Development Programme*, *Asian Development Bank* dan *Economic Research Institute for ASEAN and East Asia*.



## 4. BIODATA AHLI PAKAR 2



### YBHG. PROFESOR EMERITUS DR. BARJOYAI BARDAI

Profesor Emeritus Dr. Barjoyai Bardai adalah seorang pakar ekonomi dan akademik terkemuka dengan lebih daripada tiga dekad pengalaman dalam bidang kewangan dan ekonomi. Beliau memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam Percukaian dari *University College London*, serta pelbagai kelayakan akademik termasuk Diploma dalam Perakaunan dari Universiti Malaya dan Diploma dalam Percukaian Antarabangsa dari Harvard Law School. Prof. Dr. Barjoyai juga telah berkhidmat sebagai Pengarah Projek di Konsortium UNIRAZAK sejak 2013, di mana beliau memimpin pasukan pakar dalam Perbankan dan Kewangan Islam. Beliau telah memberi nasihat kepada pelbagai kerajaan termasuk Rusia, Rwanda, dan Kazakhstan mengenai pembangunan perbankan Islam. Selain itu, beliau merupakan Presiden *Malaysian Chamber of Certified Professionals* dan pernah menjawat jawatan Pengarah Urusan di beberapa syarikat. Prof. Dr. Barjoyai kini juga berkhidmat sebagai Provost dan Dekan Pengajian Pasca Sarjana di *Malaysian University of Science and Technology* (MUST).

## 4. BIODATA AHLI PAKAR 3



### YBRS. DR. ZULKIPLY OMAR

Dr Zulkiply Omar adalah merupakan Felo Penyelidik Kanan di *Social Wellbeing Research Centre* (SWRC), Universiti Malaya. Beliau berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Ekonomi dari Southern Illinois University, Amerika Syarikat. Beliau menamatkan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana di universiti yang sama. Beliau telah dianugerahkan Sijil Peneraju Pertumbuhan Ekonomi daripada *Harvard Kennedy School of Harvard University*, Cambridge. Beliau pernah dilantik sebagai Felo Penyelidik Kanan di Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) dari tahun 2015 hingga 2019. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Rektor/Dekan di Institut Pembangunan Pengurusan Singapura (MDIS) di Tashkent, Uzbekistan dari tahun 2012 hingga 2014. Dr. Zulkiply kini merupakan Rakan Urusan Perunding Ekonomi Econsult Sdn.Bhd.

## 4. BIODATA AHLI PAKAR 4



### YBRS. PROFESSOR MADYA DR. FIRDAUSI SUFFIAN

Profesor Madya Dr. Firdausi Suffian ialah Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik dan pensyarah kanan di Universiti Teknologi MARA (UiTM), dengan kepakaran dalam ekonomi politik dan dasar awam. Beliau memiliki PhD dalam Ekonomi Politik dari University of Bristol, MSc dalam Dasar Awam dari Australian National University, dan BSc dalam Sains Pentadbiran dari UiTM. Dr. Firdausi juga merupakan Felo di Institut Masa Depan Malaysia serta ahli dalam Majlis Penasihat Ekonomi Sabah dan beberapa jawatankuasa lain. Aktif sebagai panelis di media seperti Astro Awani, RTM, dan BFM, beliau telah menerbitkan lebih 45 karya termasuk buku, artikel akademik, dan rencana akhbar.

## 4. BIODATA AHLI PAKAR 5



### YBRS. DR. ZOUHAIR ROSLI

Dr. Zouhair merupakan Penganalisis Penyelidikan Kanan di DM-Analytics Sdn. Bhd sejak tahun 2017 sehingga sekarang. Beliau ijazah PhD, sarjana dan sarjana muda dalam Ekonomi dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Antara pengalaman dan pencapaian beliau adalah hasil kerja beliau iaitu *'Families on the Edge (Part 1-4)'* telah diterbitkan oleh *United Nations Children's Fund and United Nations Population Fund*. Buku *'Children Without: A study of urban child poverty and deprivation in low-cost flats in Kuala Lumpur'* juga telah diterbitkan oleh *United Nation Children's Fund (UNICEF) Malaysia*. Beliau juga terlibat dengan projek seperti Kajian Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah Laluan Rel Pantai Timur (*East Coast Rail Link, ECRL*), *2030 Projection of Halal Industry Supply Chain and Country Profiling* dan *Malaysia Development Finance Assessment & SDG Budgeting & Costing* oleh *United Nation Development Programme (UNDP)*.

## 4. BIODATA AHLI PAKAR 6



### YBRS. DR. LINDA A LUMAYAG

Dr. Linda Alfarero Lumayag ialah seorang penyelidik berdedikasi dan pejuang sosial yang kini berkhidmat sebagai Ketua Jabatan *Big Data*, Penyelidikan, dan Maklumat di Persekutuan Majikan Malaysia (MEF). Beliau juga merupakan felo penyelidik di Pusat Kajian Pembangunan Ungku Aziz di Universiti Malaya, di mana penyelidikannya memberi fokus kepada migrasi, kesejahteraan pekerja migran, serta isu-isu yang dihadapi oleh kumpulan terpinggir seperti pelarian dan individu tanpa kerakyatan. Sepanjang kerjayanya, Dr. Lumayag telah berkolaborasi dengan organisasi antarabangsa seperti Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) untuk memperjuangkan penyelesaian berasaskan hak bagi isu-isu tenaga kerja di Malaysia dan Asia.

## 4. BIODATA AHLI PAKAR 7



### YBRS. PUAN SITI SARAH KHAZALLE

Puan Siti Sarah Khazalle merupakan Ketua Kewangan di Malaysian Employers Federation (MEF). Beliau memainkan peranan penting dalam menguruskan kewangan organisasi dan menyediakan sokongan strategik untuk memastikan kestabilan dan pertumbuhan kewangan. Dengan latar belakang yang kukuh dalam bidang kewangan, Puan Siti Sarah terlibat dalam pelbagai inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan dalam sektor perniagaan di Malaysia.

## 4. BIODATA AHLI PAKAR 8



### YBRS. ENCIK ANAS JALIL

Encik Anas Jalil, yang dikenali sebagai *Anas The Economist*, memegang Ijazah dalam bidang Ekonomi dengan pengkhususan dalam statistik dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana dalam Ekonomi Tenaga dari University of Surrey sebelum menjadi calon PhD dalam pengkhususan Ekonomi Petroleum & Gas Asli di *Centre for Energy, Petroleum and Mineral Law and Policy, University of Dundee*. Ketika menjadi calon PhD di University of Dundee, beliau turut menjadi tutor selama 3 tahun untuk subjek-subjek berkaitan *Petroleum Economics*, *Natural Resources Economics* dan Ekonometrik bagi pelajar peringkat Sarjana di universiti tersebut. Encik Anas mula terlibat secara aktif dalam aktivisme ekonomi selepas berlakunya *Great Financial Crisis* pada tahun 2008, berikhtiar mencari jawapan kepada krisis tersebut dan terkesan melihat dampak buruk terhadap sosioekonomi masyarakat. Beliau sangat berpegang kepada prinsip bahawa pertumbuhan dan pembangunan ekonomi wajib berpaksi kepada kesejahteraan rakyat. Beliau kini berkhidmat sebagai Ekonomis dan Ketua Penyelidik untuk Demi Negara.

## 5. SENARAI KEHADIRAN

BIL	NAMA	ORGANISASI
1	Profesor Ulung Dato' Dr. Rajah Rasiah	<i>Asia-Europe Institute</i> Universiti Malaya
2	Profesor Emeritus Dr. Barjoyai Bardai	<i>Malaysia University of Science and Technology</i>
3	Dr. Zouhair Rosli	DM Analytics
4	Professor Madya Dr. Firdausi Suffian	Invest Sabah Berhad
5	Dr. Zulkipli Omar	<i>Social Wellbeing Research Centre (SWRC)</i> , Universiti Malaya
6	Encik Anas Jalil	Penggerak, Demi Negara
7	Dr. Linda A Lumayag	Malaysian Employers Federation (MEF)
8	Puan Siti Sarah Khazalle	Malaysian Employers Federation (MEF)
9	Encik Azril Mohd Amin	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
10	Encik Azhan Hasan	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
11	Encik Sebastian Sim Why Jean	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
12	Cik Nur Zalikhaa' Zainal Abidin (Rapporteur)	Institut Masa Depan Malaysia (MASA)



## 6. GAMBAR SEMASA PROGRAM (I)



## 6. GAMBAR SEMASA PROGRAM (II)



## 6. GAMBAR SEMASA PROGRAM (III)





## 6. GAMBAR SEMASA PROGRAM (IV)



# 7. HEBAHAN MEDIA SOSIAL (I)

**Institut Masa Depan Malaysia** @institutmasa · Sep 30 Promote

Institut Masa Depan Malaysia (MASA) dengan berbesar hati akan menganjurkan satu Sidang Meja Bulat (RTD) bersama ahli pakar bagi membincangkan mengenai isu dan cabaran sosioekonomi serta mengupas strategi ke arah meningkatkan taraf hidup masyarakat di Malaysia.

**SIDANG MEJA BULAT**  
INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) BERSAMA AHLI PAKAR

**CADANGAN INPUT SEMPENA BELANJAWAN 2025**

**3 OKTOBER 2024 (KHAMIS)**  
**2.00 - 5.00 PETANG**  
**RUMAH MASA**

*\*Terhad kepada jemputan sahaja*

[X](#) [Instagram](#) [Facebook](#) [LinkedIn](#) @INSTITUTMASA [INSTITUTMASA.COM](#) [INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA](#)

**SIDANG MEJA BULAT**  
INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) BERSAMA AHLI PAKAR  
**CADANGAN INPUT SEMPENA BELANJAWAN 2025**

Antara pakar yang hadir pada sesi tersebut adalah:

1. YBhg. Profesor Ulung Dato' Dr. Rajah Rasiah, Pengerah Ekesekutif, Asia-Europe Institute, Universiti Malaya;
2. YBhg. Profesor Emeritus Dr. Barjoiy Bardal, Profesor Emeritus, Malaysia University of Science and Technology;
3. YBrs. Dr. Zouhair Rosli, Penyelidik Kanan, DM Analytics;
4. YBrs. Dr. Firdausi Suffian, Ketua Pegawai Ekesekutif, Invest Sabah Berhad;
5. YBrs. Dr. Zulkiply Omar, Felo Penyelidik Kanan, Social Wellbeing Research Centre (SWRC), Universiti Malaya;
6. YBrs. Encik Anas Jalli, Pengerak, Deme Negara;
7. YBrs. Dr. Linda A Lumayag, Head of Big Data, Research & Information, Malaysian Employers Federation (MEF); dan
8. YBrs. Puan Siti Sarah Khazalle, Head of Finance, Malaysian Employers Federation (MEF).

Sesi perbincangan tersebut turut disertai oleh YBrs. Encik Azril Mohd Amin selaku Ketua Pegawai Ekesekutif MASA dan Penganalisis Penyelidikan Kanan MASA, Encik Athan Hasan.

Sesi anjuran MASA ini memberikan tumpuan kepada perbincangan terhadap isu dan cabaran kos sara hidup terutama berkaitan sosioekonomi seperti yang dihasratkan untuk Belanjawan 2025.

Menerusi sesi perbincangan tersebut, terdapat beberapa isu dan cabaran yang telah dibincangkan dan diikuti bersama input yang telah diketengahkan bagi memastikan kesejahteraan rakyat.

**Terima Kasih**  
kepada yang telah hadir dan menjayakan sesi tersebut.

[View insights](#) Boost post

Liked by [fakhrurraziyahaya](#) and 7 others  
October 3

Add a comment...

# 7. HEBAHAN MEDIA SOSIAL (II)

**SIDANG MEJA BULAT**  
 INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) BERSAMA AHLI PAKAR  
 CADANGAN INPUT SEMPENA BELANJAWAN 2025

**SIDANG MEJA BULAT**  
 INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) BERSAMA AHLI PAKAR  
 CADANGAN INPUT SEMPENA BELANJAWAN 2025

X @INSTITUTMASA INSTITUTMASA.COM INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

**SIDANG MEJA BULAT**  
 INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) BERSAMA AHLI PAKAR  
 CADANGAN INPUT SEMPENA BELANJAWAN 2025

**SIDANG MEJA BULAT**  
 INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) BERSAMA AHLI PAKAR  
 CADANGAN INPUT SEMPENA BELANJAWAN 2025

X @INSTITUTMASA INSTITUTMASA.COM INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA



# 7. HEBAHAN MEDIA SOSIAL (III)

**SIDANG MEJA BULAT**  
 INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) BERSAMA AHLI PAKAR  
 CADANGAN INPUT SEMPENA BELANJAWAN 2025

Makmur Bersama

X @INSTITUTMASA INSTITUTMASA.COM INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

**SIDANG MEJA BULAT**  
 INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) BERSAMA AHLI PAKAR  
 CADANGAN INPUT SEMPENA BELANJAWAN 2025

Makmur Bersama

X @INSTITUTMASA INSTITUTMASA.COM INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

# 7. HEBAHAN MEDIA SOSIAL (IV)

**SIDANG MEJA BULAT**  
 INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) BERSAMA AHLI PAKAR  
 CADANGAN INPUT SEMPERA BELANJAWAN 2025



PROFESOR MADYA DR. FIRDHAUSI SUFTIAN

X Instagram LinkedIn @INSTITUTMASA INSTITUTMASA.COM Q INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

**SIDANG MEJA BULAT**  
 INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) BERSAMA AHLI PAKAR  
 CADANGAN INPUT SEMPERA BELANJAWAN 2025



X Instagram LinkedIn @INSTITUTMASA INSTITUTMASA.COM Q INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA





INSTITUT MASA  
DEPAN MALAYSIA



# #MAKMURBERSAMA

- [INSTITUTMASA.COM](http://INSTITUTMASA.COM)
- [info@institutmasa.com](mailto:info@institutmasa.com)